

**SIARAN AKHBAR**  
**UNTUK SIARAN SEGERA**  
**16 April 2026**

---

## **RHB ISLAMIC TUNAIKAN ZAKAT RM4.5 JUTA KEPADA PPZ-MAIWP**

---

**Kuala Lumpur** – Pusat Pungutan Zakat – Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) hari ini menerima bayaran zakat perniagaan berjumlah RM4.5 juta daripada RHB Islamic Bank Berhad (RHB Islamic) bagi tahun 2025 dalam satu sesi kunjungan hormat yang berlangsung di ibu pejabat MAIWP.

Penyerahan zakat tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Urusan RHB Islamic Bank Berhad, Dato' Adissadikin Ali kepada Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) PPZ-MAIWP, Encik Mohammed Hassan dengan disaksikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Datuk Mohd Nizam Haji Yahya.

Sejak tahun 2022, RHB Islamic telah membuat pembayaran zakat perniagaan sebanyak RM14.5 juta kepada PPZ-MAIWP, sekali gus membuktikan komitmen institusi perbankan ini dalam memperkukuhkan institusi zakat dan menampung keperluan asnaf di Wilayah Persekutuan.

“Bayaran zakat yang diterima pada hari ini bukan sahaja mencerminkan rasa tanggungjawab syarikat korporat dalam menunaikan rukun Islam ketiga, malah turut menggambarkan keprihatinan tinggi RHB Islamic terhadap kebajikan golongan asnaf di sini,” kata Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) PPZ-MAIWP, Encik Mohammed Hassan.

Sementara itu, Pengarah Urusan RHB Islamic Bank Berhad, Dato' Adissadikin Ali berkata, “RHB Islamic komited dalam menyalurkan zakat bagi membantu golongan asnaf dan memastikan manfaat kewangan Islam dirasai secara lebih meluas oleh masyarakat. Tahun ini merupakan pencapaian bermakna memandangkan jumlah zakat yang diserahkan kepada PPZ-MAIWP adalah yang tertinggi setakat ini. Kami berharap sumbangan ini dapat terus membantu meringankan beban asnaf serta memperkukuh usaha bantuan yang lebih terancang dan berkesan.”

Kerjasama strategik antara PPZ-MAIWP dan RHB Islamic telah terjalin sejak 2016, apabila institusi kewangan ini dilantik sebagai ejen sah kutipan zakat PPZ-MAIWP. Hubungan ini terus diperkukuh melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif bersama, antaranya Kempen Pelanggan Mewah, Program Ijarah Ramadan, Program Semarak Zakat serta program wakalah yang memberi penekanan kepada pemerkasaan agihan zakat secara lebih tersusun dan berimpak.

Memasuki tahun 2026, kolaborasi ini dijangka terus diperluas menerusi pelbagai program lain, antaranya penyaluran sumbangan kepada komuniti di Projek Perumahan Awam (PA) Desa Rejang dengan nilai melebihi RM100,000, yang dibiayai melalui dana wakalah peserta Program Pelanggan Mewah RHB.

PPZ-MAIWP komited untuk terus memperluas jaringan kerjasama strategik bersama lebih banyak syarikat korporat, selaras dengan aspirasi bagi memperhebatkan landskap pengurusan zakat yang lebih dinamik dan inklusif demi kesejahteraan golongan asnaf khususnya di Wilayah Persekutuan.

---